

# Setiausaha Politik Kanan PM letak jawatan



Tindakan elak cubaan serangan peribadi jejas imej Kerajaan MADANI

Oleh Nurhanim Osman.  
nurhanim.osman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Setiausaha Politik Kanan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin, meletak jawatan semalam.

Menerusi perkongsian di platform X beliau berkata, surat berkenaan sudah diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pagi semalam.

Tindakan itu diambil enam hari selepas Anwar membuat

teguran keras kepada setiausaha politiknya itu kerana mengeluarkan surat sokongan kontraktor bagi sebuah projek hospital pada 2024.

## Pertahankan diri

Shamsul Iskandar berkata, keputusan itu diambil susulan wujud percubaan menyerang beliau dengan perkara yang boleh menjejaskan imej Kerajaan MADANI.

"Justeru, saya mengambil ke-

putusan untuk mempertahankan diri saya daripada serangan ini.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya," katanya.

Peletakan jawatan itu dipercayai mempunyai kaitan dengan isu pengeluaran surat sokongan bagi kontraktor dalam sebuah projek hospital yang tular baru-baru ini.

Ketika di Dewan Rakyat ba-

ru-baru ini, Anwar menegaskan sudah menegur tindakan Shamsul Iskandar itu dan menjelaskan, peraturan serta prinsip kerajaan tidak membolehkan tindakan sedemikian dilakukan.

Perkara itu dibangkitkan pembangkang berhubung tindakan Shamsul Iskandar yang didakwa mengeluarkan surat sokongan terhadap projek hospital pada 2024 dengan menyenaraikan kontraktor kepada Kementerian Kesihatan (KKM).